

KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE
TAN SRI MUSTAFFA BABJEE COLLEGE

Rujukan Kami : UPM.KMB.700-4/1/2
Tarikh : 30 Januari 2023

Semua Pelajar

Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee
Universiti Putra Malaysia

Siswa/Siswi,

CUTI ANTARA SEMESTER SESI 2022/2023

Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **13 Februari 2023 (Isnin) hingga 12 Mac 2023 (Ahad) selama empat (4) minggu**. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:-

1. MENGOSONGKAN BILIK

Bilik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan bersih. Pelajar-pelajar hendaklah memastikan almari dikosongkan, poster ditanggalkan, perabot disusun seperti susunan asal dan semua suis elektrik, lampu dan kipas ditutup. Denda sebanyak **RM50.00** akan dikenakan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi. Sebarang kerosakan inventori di bilik hendaklah dilaporkan dengan segera dengan menggunakan sistem ekolej.upm.edu.my.

2. PENDAFTARAN KELUAR DAN PEMULANGAN KUNCI BILIK

Pelajar yang ingin pulang awal boleh mendaftar keluar dan memulangkan kunci bilik pada waktu pejabat di Pejabat Pentadbiran Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee. **PENDAFTARAN KELUAR DAN PEMULANGAN KUNCI MELALUI RAKAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. Pelajar diminta untuk menandatangani log pendaftaran keluar di pejabat kolej. **Tarikh akhir pendaftaran keluar dan pemulangan kunci adalah pada 12 Februari 2023** dan pejabat akan dibuka seperti butiran berikut:-

Tarikh	: 11 dan 12 Februari 2023 (Sabtu dan Ahad)
Masa	: 9.00 pagi hingga 4.00 petang
Tempat	: Pejabat Pentadbiran Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee

3. PENGINAPAN SEMASA CUTI

Pelajar yang ingin menginap semasa cuti diminta untuk hadir ke pejabat dan mengisi Borang Permohonan Sewaan Penginapan serta menjelaskan bayaran sewaan RM4.00 sehari.

4. PERALATAN KOLEJ

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan, kebudayaan, elektrik dan alatan lain hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 10 Februari 2023 (Jumaat)**.

5. TEMPAT MENYIMPAN BARANG

Pelajar digalakkan membawa balik semua barang dan peralatan kepunyaan sendiri. Walaubagaimanapun, pihak kolej ada menyediakan stor penyimpanan barang untuk kemudahan pelajar mengikut ketetapan berikut:

- i. Semua barang-barang yang berharga dan penting **wajib** dibawa pulang. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan/kerosakan barang-barang yang disimpan.

- ii. Sila pastikan barang-barang yang disimpan dimasukkan ke dalam kotak, diikat kemas dan dilabelkan. **Stor tempat menyimpan barang-barang tidak akan dibuka sepanjang cuti bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan kehilangan barang.**
- iii. Pelajar boleh menggunakan kotak sendiri dengan ukuran saiz yang dibenarkan tidak melebihi 58 X 40 X 40cm. Sila pastikan barang-barang disimpan di dalam kotak yang telah dilabel nama serta nombor matrik.
- iv. Bagi pelajar Semenanjung Malaysia bilangan kotak yang dibenarkan adalah sebanyak 2 kotak, 1 beg plastik berukuran XL yang boleh diisi baldi dan penyapu sahaja. Bagi pelajar Sabah dan Sarawak bilangan kotak yang dibenarkan adalah sebanyak 2 kotak, 1 begasi, 1 beg plastik berukuran XL yang boleh diisi baldi dan penyapu sahaja.
- v. Stor akan mula dibuka pada **6 Februari 2023 (Isnin) sehingga 13 Februari 2023 (Isnin)** dan akan mula dikunci pada pagi 13 Februari 2023 (Isnin).
- vi. Barang-barang hendaklah disimpan di stor yang telah dikhaskan seperti butiran berikut:
 - **Blok A : Rumah A-G-3**
 - **Blok B : Rumah B-G-4**
 - **Blok D : Rumah D-G-11**

6. PENDAFTARAN MASUK KOLEJ BAGI SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Pelajar tidak dibenarkan pulang awal. Pelajar hanya boleh mendaftar dan mengambil kunci pada tarikh seperti berikut:

Tarikh : **11 & 12 Mac 2023 (Sabtu & Ahad)**
Masa : **9.00 pagi hingga 4.00 petang**
Tempat : **Pejabat Pentadbiran Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee**

Akhir kata saya dan semua kakitangan Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **"Selamat bercuti, jaga kesihatan dan patuhi SOP dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia"**.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. JASRONITA BINTI JASNI

Pengetua

Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee

Universiti Putra Malaysia

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM
 - Pengarah Keselamatan, UPM
 - Felo-Felo Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee
 - Presiden MPK Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee